



KENYATAAN MEDIA

KKDW BANTU 1,200 USAHAWAN DESA KUASAI PENDIGITALAN

KOTA DAMANSARA, 26 Februari - Kementerian Kemajuan Desa Dan Wilayah, KKDW menyasarkan 1,200 usahawan luar bandar beralih ke pendigitalan pada tahun ini.

Ketua Setiausaha KKDW, YBhg. Dato' Sri Ramlan Bin Dato' Harun, berkata RM1.7 juta diperuntukkan untuk memberi pendedahan secara langsung dan praktikal mengenai pendigitalan perniagaan di bawah 12 modul dengan kerjasama rakan strategik kementerian.

“Program Pendigitalan Usahawan Desa di bawah Program Desamall ini adalah inisiatif tambahan yang dilaksanakan oleh Kementerian untuk merapatkan jurang digital dengan membantu usahawan desa meningkatkan produktiviti, kecekapan dan sebagai kesediaan menjalankan perniagaan secara dalam talian selaras perkembangan teknologi terkini dan situasi ekonomi semasa” ujarinya.

Ramlan berkata demikian ketika merasmikan Program Pendigitalan Usahawan Desa (PPU) Siri 1 di Kota Damansara hari ini. Program PPU telah membantu usahawan menambahbaik operasi perniagaan selain mengembangkan perniagaan dan meningkatkan produktiviti serta kecekapan pengurusan perniagaan.

Perkembangan positif ini direalisasikan melalui pendedahan dan latihan mengenai aplikasi digital perniagaan terkini dan bantuan berkaitan pendigitalan perniagaan yang diberikan KKDW dan 22 rakan strategik yang

terlibat. Antaranya, Bank Islam, Bank Simpanan Nasional (BSN), Maybank, Mesinkira, Faspay, CelcomDigi, Maxis, Lalamove, ShopeeFood, Maybank Sama-sama Lokal, Lazada, Shopee, Peasy, MyMall, Petron Malaysia, Halal Development Corporation (HDC), IPVolusi, TikTok Shop Malaysia dan Malaysia Digital Economy Corporation Sdn Bhd (MDeC) dan terbaru Dattel Sdn Bhd.

Ia merangkumi pendigitalan kewangan, 'point-of-sale' atau gudang digital, pengurusan gerbang bayaran, akses internet yang optimum, aplikasi perkhidmatan 'on demand' dan platform e-dagang. Bimbingan yang lain termasuklah peruncitan digital, route to halal, tanda dagangan, penghasilan kandungan dan pemasaran afiliasi, peningkatan perniagaan dari taraf Nano ke PKS serta yang terkini bagi tahun ini, solusi teknologi kecerdasan buatan (A.I.) dan *Consumer Intelligence* (C.I.) dalam membantu usahawan mengenalpasti keperluan perusahaan yang diusahakan. Secara keseluruhan sebanyak sembilan siri program telah dilaksanakan pada tahun 2022 dan 2023 dengan penyertaan seramai 2,524 usahawan yang menerima manfaat daripada program ini.

Dalam pada itu bagi memastikan pengurusan logistik dan penyimpanan stok produk usahawan diperkemas dan diuruskan dengan lebih baik, Pentadbir Desamall iaitu syarikat eLokal Sdn. Bhd. telah mengambil inisiatif dalam penyewaan sebuah gudang Desamall yang baharu di EmHub, Kota Damansara, Selangor. Gudang berkeluasan 4,000 kaki persegi ini berfungsi untuk pengumpulan dan penyimpanan stok produk usahawan luar bandar yang menyertai Program Desamall. Gudang ini boleh memuatkan jumlah *SKU* produk sehingga 80,000 bersamaan 35,000 produk pada satu-satu masa. Dalam menerapkan penggunaan teknologi terkini, gudang ini menggunakan teknologi RFID dalam pengurusan dan pengedaran stok. Selain sebagai hub pengedaran ke *outlet-outlet* Desamall

yang lain, ianya juga berfungsi sebagai pusat pembelian secara *on-demand* bagi pelanggan-pelanggan yang berada dalam radius sehingga 10 KM dari gudang ini.

Desamall menyasarkan seribu produk baharu dipasarkan pada tahun ini.

-TAMAT-

Disediakan oleh

Unit Komunikasi Korporat KKDW

26 Februari 2024